Bantu kerajaan cegah denggi — PM

Oleh
HASHNAN ABDULLAH

UM 13/1/03

KAMPAR 12 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa rakyat agar tidak meletakkan sepenuh tanggung jawab kepada kerajaan dalam mencegah wabak denggi yang melanda negara pada masa kini.

Menurut beliau, masyarakat umum seharusnya memberi kerjasama dan sokongan yang tidak berbelah bagi membantu usaha kerajaan mencegah wabak penyakit tersebut dari terus merebak.

Beliau berkata, ia juga sejajar dengan matlamat kerajaan selama ini yang lebih berpegang kepada aspek pencegahan dalam usaha membasmi mana-mana penyakit yang melanda negara ini.

"Masyarakat umum tidak boleh meletakkan segala tanggungjawab pencegahan wabak denggi itu ke atas bahu kerajaan semata-mata.

"Tidak ada kerajaan di dunia yang boleh mencegah orang daripada mendapat sebarang penyakit yang melanda negara terbabit," katanya kepada pemberita selepas merasmikan upacara meletak batu asas Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar kelmarin yang mendapati wad perubatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) yang menempatkan pesakit denggi sesak sehingga sebahagian besarnya diletakkan di katil tambahan.

Dr. Mahathir berkata, rakyat seharusnya sedar bahawa wabak sesuatu penyakit itu tersebar berpunca daripada kecuaian anggota masyarakat itu sendiri.

"Pihak akhbar sering bertanya kepada saya bagaimana langkah kerajaan menangani masalah wabak penyakit itu. Tetapi hari ini saya meminta agar pihak akhbar mendidik masyarakat bagaimana untuk mencegah wabak penyakit itu dari tersebar," katanya.